



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Sahidin Nitiphak & Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. (2026). Program SINBURA dalam pemeraksanaan Bahasa Melayu di Narathiwat: Analisis keberkesanan dari perspektif pengembangan bahasa. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 5(1), 240-252. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.14>

PROGRAM SINBURA DALAM PEMERKASAAN BAHASA MELAYU DI NARATHIWAT: ANALISIS KEBERKESANAN DARI PERSPEKTIF PENGEMBANGAN BAHASA

*(The SINBURA Program in Malay Language Empowerment in Narathiwat:
An Effectiveness Analysis from Language Development Perspective)*

¹Sahidin Nitiphak & ²Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah

¹Faculty of Liberal Arts, Princess of Naradhiwas University, Thailand

²School of Foreign Languages and South Asian and Southeast Asian Studies,
Yunnan Minzu University, China

¹Corresponding author: disisiku@hotmail.com

Received: 10/10/2025

Revised: 15/12/2025

Accepted: 21/03/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRACT

Program Sinergi Budaya Nusantara (SINBURA) merupakan satu inisiatif kerjasama akademik antara Universiti Sains Malaysia (USM) dan Princess of Naradhiwas University (PNU) Thailand yang bertujuan untuk memperkasakan bahasa Melayu di wilayah Narathiwat. Fokus kajian ini berdasarkan keberkesanan pelaksanaan program dalam pemeraksanaan bahasa Melayu di PNU dengan memberi tumpuan khusus kepada pengalaman peserta, proses pelaksanaan dan impak program. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik pengumpulan data melibatkan temu bual mendalam dengan 30 orang pelajar, pemerhatian peserta sepanjang lapan program utama dan analisis dokumen berkaitan. Program ini telah menganjurkan pelbagai aktiviti merangkumi pertukaran akademik, bengkel bahasa dan sastra, persidangan antarabangsa, program kebudayaan serta aktiviti sukan dan rekreasi. Dapatan kajian menunjukkan program ini telah berjaya meningkatkan motivasi dan keyakinan peserta dalam penggunaan bahasa Melayu, memperkukuh identiti bahasa dan budaya dalam kalangan pelajar justeru membina rangkaian kemahiran dan menyokong pengembangan bahasa. Keberkesanan program dipengaruhi oleh empat faktor utama iaitu sokongan institusi yang berterusan, penglibatan aktif dari sudut akademik, pendekatan pengajaran yang kontekstual, dan integrasi aktiviti akademik dan sosiobudaya. Kajian ini mencadangkan sebuah kerangka baharu untuk pemeraksanaan bahasa melalui kerjasama antara universiti bagi melakukan perubahan positif dalam pemeraksanaan bahasa Melayu.

Kata kunci: Pemeraksanaan, pengembangan, identiti, bahasa Melayu, kerjasama akademik.

ABSTRACT

The Program Sinergi Budaya Nusantara (SINBURA) is an academic collaboration initiative between Universiti Sains Malaysia (USM) and Princess of Naradhiwas University (PNU) Thailand aimed at empowering the Malay language in the Narathiwat region. This research was carried out to identify the effectiveness of program implementation in Malay language empowerment at PNU with specific focus on participants' experiences, implementation processes, and program impact. This study used a qualitative methodology, gathering rich data through semi-structured interviews with 30 students and immersive participant observation to understand their lived experiences throughout eight main programs, and analysis of relevant documents. The program has organized various activities encompassing academic exchanges, language and literature workshops, international conferences, cultural programs, as well as sports and recreational activities. Research findings indicate that the program has successfully enhanced participants' motivation and confidence in Malay language use, strengthened language and cultural identity among students, thus building skill networks and supporting language development. Program effectiveness was influenced by four main factors: continuous institutional support, active academic engagement, contextual teaching approaches, and integration of academic and socio-cultural activities. This study proposes a new framework for language empowerment through inter-university collaboration to effect positive change in Malay language empowerment.

Keywords: Empowerment, development, identity, Malay language, academic collaboration.

PENDAHULUAN

Dalam era globalisasi dan revolusi digital yang pesat ini, kedudukan bahasa-bahasa tempatan di seluruh dunia menghadapi cabaran yang tidak pernah dialami sebelum ini. Fenomena ini telah menyaksikan bahasa Inggeris berkembang menjadi bahasa dominan yang menembusi setiap sudut dunia, menciptakan satu bentuk penjajahan bahasa yang halus namun berkesan dalam menegatipkan kedudukan bahasa-bahasa lain. Bahasa Melayu di wilayah Narathiwat, Thailand Selatan sedang menghadapi cabaran besar dari segi pengekalan dan pemeraksaannya dalam sistem pendidikan dan kehidupan seharian. Falsafah Pendidikan Princess of Naradhiwas University (PNU) yang memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan bidang profesional dalam sains teknologi, sains kesihatan dan sains sosial bagi pembangunan insan dan komuniti di tiga wilayah Selatan Thailand adalah selaras dengan matlamat Program Sinergi Budaya Nusantara (SINBURA) untuk membina insan yang holistik, seimbang dan berdikari melalui pemeraksaan bahasa Melayu sebagai medium pembelajaran. Walaupun bahasa ini merupakan bahasa ibunda bagi majoriti penduduk di wilayah kawasan ini, penggunaannya semakin terhad dan menghadapi tekanan daripada dominasi bahasa Thai sebagai bahasa rasmi negara.

Situasi ini diburukkan lagi dengan kekurangan program akademik yang sistematik dan berstruktur untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat pengajian tinggi. Memang tidak dinafikan bahawa segelintir masyarakat Melayu memandang tinggi bahasa asing seperti yang ditunjukkan melalui sikap pengguna bahasa (Hashim et al., 2014). Keadaan ini menjadi lebih mencabar apabila penduduk dan komuniti Melayu di Selatan Thailand merupakan kelompok minoriti dalam negara Thailand. Oleh sebab berlainan agama, budaya dan bahasa terdapat persepsi bahawa dasar kerajaan tidak inklusif, mengakibatkan minoriti merasa terpinggir dalam proses pembangunan negara dan tidak mendapat layanan yang sama (Waemasna & Yusniza, 2023). Menurut Mohamad Kamil Ibrahim & Mohamad

Maliati (2020) membentuk identiti telah mengangkat negeri seperti Jepun dan Korea Selatan ke status negara maju melalui pembangunan bangsa dan negara. Walaupun begitu, usaha inisiatif untuk mengekalkan penggunaan bahasa Melayu tetap ada. Namun, ironinya adalah kebanyakan usaha tersebut tidak mempunyai kesinambungan membawa impak jangka panjang. Malah, institusi pengajian tinggi tempatan turut menghadapi batasan dalam menyediakan program serentak antara akademik dan praktikal, lebih lagi dalam memperkasakan bahasa Melayu. Menurut kajian Puwakhawela, Mahakalanda & Wickramasinghe (2023) organisasi dan universiti perlu memandang jauh dengan membiasakan diri dengan jangkaan industri dan merangka strategi usaha membawa manfaat dengan membuka jalan kepada kejayaan bersama, di mana kedua-dua pihak mendapat faedah. Dalam konteks ini, pemahaman tentang jurang antara jangkaan amat penting untuk memastikan program yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan dalam diri pelajar. Pelajar perlu memiliki sifat kognitif kerana ia bertujuan untuk menghuraikan pengetahuan dan pembelajaran. Walaupun Program SINBURA menunjukkan kejayaan dalam pemeraksanaan bahasa Melayu, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani. Hal ini selari dengan pengalaman pembelajaran bahasa asing dalam konteks yang lebih luas, di mana kajian Jamil (2017) mendapati bahawa pelajar asing yang belajar bahasa Melayu merasa bimbang apabila berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Dengan rasa kurang yakin untuk bertutur di dalam kelas bahasa sehingga menjadi masalah utama. Ramai cenderung menghindari aktiviti berbentuk lisan. Seseorang perlu memikirkan matlamat yang ingin dicapai seperti pemikiran dan pembelajaran yang lengkap dan tepat untuk dilaksanakan (Disessa, Sherin & Levin, 2016). Dalam konteks pemeraksanaan bahasa Melayu, usaha ini perlu diselaraskan dengan permintaan industri supaya graduan yang dihasilkan bukan sahaja fasih dalam pelbagai bahasa, tetapi juga menonjol dari segi keupayaan kepimpinan dan komunikasi yang meyakinkan.

Program SINBURA telah diperkenalkan sebagai satu inisiatif kerjasama strategik antara USM dan PNU Thailand untuk menangani isu ini. Selaras dengan pandangan Juhdi et al. (2010) program ini memberi penekanan bukan sahaja kepada pencapaian akademik. Selain itu, kemahiran insaniah yang meliputi termasuk aspek kritikal seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan yang penting untuk kejayaan pelajar kokurikulum. Keperluan untuk menjalankan kajian ini menjadi semakin mendesak apabila diperhatikan bahawa generasi muda di Narathiwat semakin kurang menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi harian mereka. Seperti yang ditekankan oleh Mohamad Arip & Yusof (2006) institusi pengajian tinggi perlu melahirkan insan yang bukan sekadar pencapai ilmu namun berkarakter, memiliki kemahiran sosial dan kepimpinan yang stabil berteraskan nilai-nilai kerohanian.

Kajian ini memfokuskan kepada Program SINBURA dalam pemeraksanaan bahasa Melayu di Thailand Selatan dengan tujuan mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program tersebut di PNU, Thailand. Melalui kajian ini, pengkaji diharapkan dapat mengenal pasti faktor-faktor ketara yang menyumbang kepada kejayaan program pemeraksanaan bahasa minoriti dalam konteks pendidikan tinggi. Dapatan kajian ini secara langsung bukan hanya menilai kejayaan program yang sedia ada, tetapi mampu membentuk asas empirikal bagi pembangunan program serupa pada masa hadapan, seterusnya membantu melahirkan graduan yang memiliki kebolehpasaran tinggi dalam konteks pemeliharaan dan pemartabatan Bahasa Melayu di Thailand Selatan.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Dalam konteks sejarah, bahasa Melayu pernah mencapai kemuncak kegemilangan sebagai lingua franca. Namun, bahasa Melayu kini menghadapi ancaman serius daripada arus globalisasi yang

cenderung menguasai komunikasi global. Oleh itu, pemeraksanaan bahasa Melayu di kawasan ini merupakan usaha penting untuk mengangkat martabat bahasa tersebut pada tahap yang sepatutnya.

Menurut de Mejia dalam Hashim Musa, Rozita Che Rodi & Salmah Jan Noor Muhammad. (2014) terdapat sepuluh kriteria utama yang menentukan bahasa itu dapat tertakluk sebagai bahasa penting. Dalam sudut keterkaitan ada dua kriteria yang dapat dibincangkan secara dampak antaranya memiliki jumlah penutur yang besar dan kedudukan sebagai bahasa masyarakat akademik antarabangsa. Kedua-kedua kedudukan kriteria ini memainkan peranan penting dalam menklasifikasikan status bahasa, namun begitu terdapat kekangan dalam aspek penggunaannya sepertimana jumlah penutur yang besar tidak semesti menjamin kedudukan bahasa sebagai bahasa dunia ataupun dominasi satu bahasa dalam masyarakat akademik boleh menyebabkan bahasa tempatan kurang dapat perhatian di peringkat antarabangsa.

Menurut Mohamad Kamil Ibrahim & Mohamad Maliati (2020) melalui kajian bertajuk *Cabaran Pemeraksanaan Bahasa Melayu Dalam Usaha Mencapai Negara Bangsa Di Malaysia*, terdapat kebimbangan bahawa penggunaan meluas bahasa Inggeris boleh mengurangkan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pada peringkat tinggi. Langkah ini didorong oleh alasan bahawa sebahagian besar maklumat dan ilmu sebagai rujukan penting yang tersedia dalam penulisan bahasa Inggeris. Kajian pula menunjukkan bahawa usaha membentuk negara dan bangsa berasaskan satu bahasa memerlukan pendekatan yang holistik yang mengambil kira faktor sosial, politik dan pendidikan, di mana bahasa Melayu main peranan lebih mendalam daripada alat komunikasi harian kerana ia adalah jiwa, maruah, dan wadah ilmu untuk kemajuan sesebuah komuniti. Bahasa menjadi alat pemeraksanaan sesebuah masyarakat melalui pendekatan sociolinguistik. Dapat digariskan sebagai medium utama dalam pendidikan dan pendidikan. penguasaan ini dikaitkan dengan pembangunan masyarakat akademik (Olaoye, 2020). Penguasaan lebih daripada satu bahasa dapat memperkasa individu dengan membuka peluang perlbagai bidang dalam menggalakkan masyarakat megah.

Contoh ini dapat membuktikan bahawa pemeraksanaan penggunaan bahasa bermula daripada peringkat asas, iaitu pembentukan sesebuah bangsa. Hashim Musa et al. (2014) menjelaskan peranan penting bahasa Melayu melalui pengintegrasian pelbagai bidang seperti dalam persuratan dan pendidikan sains, kita dapat membina masyarakat berilmu serta berteknologi. Dalam penghuraian, mereka menegaskan bahawa bahasa Melayu agak terdekat dengan konteks bahasa sebagai teras pemikiran yang menjadi medium untuk membentuk dan melahirkan ilmu pengetahuan dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu sesetempat menjadi medium utama dalam menyebarkan cara berfikir dalam masyarakat. Sebagai bahasa tulen penduduk di rantau bahasa Melayu juga bertugas sebagai benteng meninggi yang mampu menangkis pengaruh negative globalisasi yang berpotensi merosakkan nilai-nilai tradisi yang murni.

Idris & Rashid (2013) dalam analisisnya terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa moden mengemukakan perspektif yang optimistik namun perlu dinilai secara kritikal dalam konteks realiti globalisasi semasa. Beliau menegaskan bahawa bahasa Melayu perlu iktiraf lapan syarat utama supaya dinobatkan sebagai bahasa moden di antaranya daripada kenyataan beliau kedudukan bahasa Melayu yang berperanan sebagai bahasa rasmi, pendidikan, perdagangan, agama serta kebudayaan dan sastera kini berada dalam keadaan tidak stabil dan terancam seolah-olah dipukul ombak yang sangat kuat. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran terhadap ancaman sebenar yang dihadapi. Sehubungan itu, pelaksanaannya memerlukan strategi yang lebih komprehensif untuk menanganinya.

Dengan demikian, bahasa akan berkait rapat dengan nilai kesopanan yang disokong oleh masyarakat. Berkaitan dengan peranan bahasa Noor Azura Mohd. Hanapi dan Fadzilah Abd. Rahman (2022) dalam kajian fokus tentang pendidikan bahasa abad ke-21 menegaskan bahawa bahasa Melayu memiliki kemampuan menterjemah pelbagai bidang ilmu yang menjadi tunggak falsafah keilmuan. Kajian tersebut turut menegaskan bahawa bahasa Melayu berpotensi menjadi bahasa pengantar di peringkat antarabangsa menerusi perkembangan teknologi komunikasi. Namun begitu, analisis mereka menunjukkan paradoks yang jelas serta ledakan abad ke-21 sebenarnya telah mengubah pemikiran terhadap bahasa dan budaya ibundanya sendiri. Dalam kata lain, bagi memastikan ketekalan dalam pembentukan budaya Melayu, kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar perlu dibentasi awal kerana ia memberi impak negatif terhadap pemertabatan bahasa Melayu dalam masyarakat. Hal ini penyebab pengaruh tahap penguasaan bahasa yang rendah akan mengarahkan kedudukan bahasa yang lemah dalam masyarakat juga. Pada peringkat akar umbinya, semua harus diajarkan sebagai satu ilmu pengetahuan. Dalam konteks penerapan penggunaan bahasa di institusi, Jamil (2017) dalam kajiannya terhadap pelajar antarabangsa sering merasa bimbang apabila perlu bercakap atau menjawab dalam kelas bahasa Melayu mereka takut akan penilaian negatif daripada pensyarah dan rakan sekelas sehingga pelajar mengalami perasaan tegang, cemas dan tidak yakin terutamanya dalam aktiviti komunikasi bertutur.

METODOLOGI

Pendekatan kajian kes digunakan untuk membolehkan analisis yang mendalam. Keserasian pemilihan kaedah penyelidikan dengan objektif kajian adalah mengikut syarat untuk mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan data yang tinggi. Prosedur kerja terancang secara teratur bagi memastikan ketelitian dan keberkesanan penyelidikan.

Populasi dan Sampel Kajian

Bagi kajian ini, pengkaji memilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Mengikut Cohen, Manion & Morrison (2017) menyatakan bahawa kaedah ini ia membolehkan pemilihan informan yang paling sesuai dan berkemampuan untuk memberikan maklumat terperinci berkaitan persoalan kajian. Pemilihan ini dibuat berdasarkan keperluan untuk mendapatkan maklumat mendalam dari peserta secara langsung melalui Program SINBURA. Populasi kajian terdiri daripada 30 orang peserta pelajar program Bahasa Melayu, Fakulti Seni Liberal, Princess of Naradhiwas University. Pemilihan sampel ini membolehkan pengkaji mendapatkan data yang komprehensif yang merangkumi pandangan pelajar dan pensyarah untuk mengkaji keberkesanan program pemeraksanaan bahasa Melayu.

Lokasi Kajian

Kajian ini dilakukan di PNU yang terlibat dalam program SINBURA. Lokasi ini dipilih kerana universiti tersebut merupakan institusi pengajian tinggi yang aktif dalam usaha pemeraksanaan bahasa Melayu melalui kerjasama akademik antara universiti. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada program SINBURA yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018-2021, yang merangkumi aktiviti pertukaran akademik, bengkel bahasa dan sastera, persidangan antarabangsa, program kebudayaan serta aktiviti sukan dan rekreasi. Setelah kajian dijalankan akan dapat data terperinci mengenai proses pemeraksanaan bahasa Melayu dalam konteks pengajian tinggi, khususnya di kawasan bahasa Melayu merupakan bahasa minoriti.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan tiga teknik pengumpulan data utama iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Bagi teknik pengumpulan data pemerhatian, instrumen yang digunakan ialah senarai semak pemerhatian. Manakala bagi teknik pengumpulan data temu bual, instrumen yang digunakan ialah protokol temu bual. Bagi teknik pengumpulan data analisis dokumen pula, instrumen yang digunakan ialah senarai semak analisis dokumen. Penggunaan pelbagai instrumen ini bertujuan untuk mendapatkan data yang komprehensif dan menyeluruh berkaitan keberkesanan dalam pemeraksanaan Bahasa Melayu. Data kualitatif yang diperoleh daripada ketiga-tiga teknik pengumpulan data tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan data-data yang dihimpunkan mendapati bahawa pengembangan ialah satu keperluan memandangkan fungsinya yang penting dalam meningkatkan pengaruh dan pendedahan berkesan pelajar dalam dunia hari ini (Huang et al., 2022). Kepentingan ini menjadi lebih ketara apabila kita melihat kepada perubahan pesat dalam landskap pendidikan global dan keperluan pasaran kerja semasa. Pemilihan kaedah itu sangat bergantung kepada perkara yang diajar dan boleh dipengaruhi oleh kecekapan dan kesungguhan pelajar (Richards & Rodgers, 2014). Sejajar dengan konteks pemeraksanaan bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi Thailand, pengintegrasian kemahiran abad ke-21 dalam kaedah pelbagai semakin penting, pendektan ini membolehkan pelajar menguasai bahasa dalam konteks penggunaan semasa dan meningkatkan keupayaan pelajar untuk mengaplikasi bahasa dalam pelbagai situasi.

Hasil analisis data kualitatif telah menghasilkan beberapa faktor utama yang menjelaskan keberkesanan Program SINBURA dalam pengembangan bahasa Melayu. Jadual 1 menunjukkan faktor-faktor utama dan dapatan kajian yang diperoleh.

Jadual 1

Faktor-faktor Utama dan Dapatan Kajian

Faktor	Sub-faktor	Elemen	Petikan
Sokongan institusi	Aspek jurusan	Pemantauan berkala, penyelarasan program, pembimbingan fakulti	“Program ini boleh diperkukuh lagi dengan menambah lebih banyak aktiviti praktikal” (R6)
	Aspek infrastruktur	Kemudahan, bilik bahasa, prasarana pembelajaran	“Kemudahan fizikal dan prasarana yang disediakan sangat membantu aktiviti kami...” (R5) “Perpustakaan lengkap memudahkan kami menguasai kemahiran berbahasa” (R27)
Penglibatan akademik	Peranan pensyarah	Bimbingan berterusan, penyelarasan aktiviti	“memahami cabaran yang kami hadapi dalam pembelajaran bahasa.” (R25)
	Pembangaunan kurikulum	Kesesuaian atas keperluan	“Pendekatan yang digunakan sangat praktikal dan sesuai...” (R12)

(bersambung)

Pendekatan pengajaran	Bahan pengajaran	Elemen budaya, pembelajaran situasi (role play)	"Penggunaan contoh-contoh dari persekitaran tempatan..." (R8)
	Aktiviti pembelajaran	Projek berkumpulan, pembentangan	"memahami budaya Melayu dengan lebih mendalam" (R15)
	Program budaya	Program pertukaran budaya	"Program pertukaran budaya memberi kami peluang..." (R15)
Integrasi sosiobudaya	Aktiviti sosial	Lawatan akademik, Aktiviti kebudayaan	"Penggunaan contoh-contoh dari persekitaran tempatan membantu kami memahami penggunaan bahasa dengan lebih baik. Ini menjadikan pembelajaran lebih bermakna." (R8)
	Jaringan pembelajaran	Kolaborasi pelajar, platform dalam talian	"Program ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran berbahasa, tetapi juga membantu dalam pembangunan kemahiran yang diperlukan dalam kerjaya masa depan." (R20)

Berdasarkan hasil analisis, penemuan kajian boleh dibahagikan kepada empat faktor utama keberkesanan Program SINBURA, iaitu (1) sokongan institusi, (2) penglibatan akademik, (3) pendekatan pengajaran kontekstual, dan (4) integrasi aktiviti akademik dan sosiobudaya. Faktor pertama, sokongan institusi, merangkumi tiga aspek penting. Aspek jurusan melibatkan pemantauan berkala, penyelarasan program, dan pembimbingan fakulti yang berterusan. Seperti yang dinyatakan oleh R6, "Program ini boleh diperkukuh lagi dengan menambah lebih banyak aktiviti praktikal." Aspek kewangan pula meliputi peruntukan untuk aktiviti, bantuan program dan pelajaran, serta pembiayaan penyertaan program. Manakala aspek infrastruktur menyediakan kemudahan fizikal seperti bilik bahasa dan prasarana pembelajaran. Hal ini disokong oleh R5 yang menyatakan, "Kemudahan fizikal dan prasarana yang disediakan sangat membantu aktiviti kami..." Tambahan pula, R27 turut menegaskan bahawa "Perpustakaan lengkap memudahkan kami menguasai kemahiran berbahasa."

Seterusnya penemuan (2), iaitu penglibatan akademik. Faktor ini merangkumi tiga sub-faktor penting. Sub-faktor pertama ialah peranan pensyarah yang melibatkan pemberian bimbingan berterusan kepada pelajar serta penyelarasan aktiviti pembelajaran secara sistematik. seperti yang diakui oleh R25 bahawa "*pensyarah memahami cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa.*" Pembangunan kurikulum pula memberi penekanan kepada kesesuaian atas keperluan pelajar. Menurut R12, "*Pendekatan yang digunakan sangat praktikal dan sesuai.*" Sistem penilaian turut dititikberatkan melalui maklum balas pembelajaran yang berterusan.

Faktor ketiga, iaitu pendekatan pengajaran kontekstual, dapat dibahagikan kepada tiga sub-faktor utama. Kaedah pengajaran menekankan pengajaran kontekstual, manakala bahan pengajaran menggabungkan elemen budaya dan pembelajaran situasi melalui main peranan. Responden R8 mengesahkan keberkesanan ini dengan menyatakan "*Penggunaan contoh-contoh dari persekitaran tempatan...*" Aktiviti pembelajaran melibatkan projek berkumpulan dan pembentangan yang membantu pelajar "*memahami budaya Melayu dengan lebih mendalam*" (R15).

(4) Integrasi Sosiobudaya sebagai faktor terakhir ini merangkumi program budaya yang melaksanakan program pertukaran budaya. Kepentingan faktor ini jelas dinyatakan oleh R15 yang menegaskan, "*Program pertukaran budaya memberi kami peluang untuk mengaplikasikan kemahiran bahasa dalam situasi sebenar.*" Selain program pertukaran, aktiviti sosial turut memainkan peranan penting melalui pelaksanaan lawatan akademik dan aktiviti kebudayaan yang berkaitan. Malah, R8 turut mengakui bahawa "*Penggunaan contoh-contoh dari persekitaran tempatan membantu kami memahami penggunaan bahasa dengan lebih baik. Ini menjadikan pembelajaran lebih bermakna.*" Jaringan pembelajaran melalui kolaborasi pelajar dan platform dalam talian turut memberi impak positif, seperti yang dinyatakan oleh R20"

Keberkesanan Pemerksaan Bahasa Melayu

Perkara penting yang dapat disimpulkan dalam kajian ini ialah program pemerksaan bahasa Melayu di PNU telah mencapai kejayaan dalam pelbagai aspek. Pengetahuan responden terhadap kepentingan setiap aktiviti menyumbang kepada pembangunan holistik. Penulis mengkategorikan keberkesanan yang signifikan dalam pemerksaan bahasa Melayu melalui beberapa dimensi utama.

Pengembangan Bahasa

Dapatan kajian menunjukkan bahawa program ini telah berjaya meningkatkan penguasaan kemahiran bahasa pelajar secara ketara dalam empat aspek komunikasi. Hal ini terjadi disebabkan peningkatan ini berlaku melalui pendekatan bersepadu yang menggabungkan keempat-empat kemahiran dalam aktiviti pembelajaran yang bermakna.

Peningkatan kemahiran mendengar selepas program dapat dilihat dengan jelas melalui petikan responden. Sebagai contoh, R12 menyatakan, *“Kini saya boleh memahami bahasa Melayu lebih mudah.”* Peningkatan kemahiran mendengar ini dicapai melalui pendedahan berterusan kepada pelbagai medium seperti ceramah dan perbincangan berkumpulan sepanjang pelaksanaan program. Sementara itu, kemahiran bertutur pula mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan, dengan majoriti pelajar mencapai tahap penguasaan yang tinggi. Perubahan ini amat jelas dalam aspek keyakinan seperti yang dinyatakan oleh seorang responden *“Selepas mengikuti Program, saya rasa dapat menggunakan bahasa dengan lebih baik sama ada mendengar atau bertutur dalam bahasa Melayu.”* (R7). Peningkatan ini dicapai melalui aktiviti-aktiviti interaktif seperti pembentangan atau sesi perkongsian pengalaman yang memaksa pelajar menggunakan bahasa. Menariknya, walaupun kemahiran membaca tidak ditetapkan sebagai matlamat utama program, pelajar didapati berjaya meningkatkan keupayaan mereka dalam memahami teks ilmiah dan pelbagai jenis bahan bacaan yang lain. Menurut R8 *“saya kini boleh membaca teks bahasa Melayu sambil menggunakan e-kamus”* Pengenalan artikel akademik dan sastera jelas meningkatkan kemahiran membaca dan pemahaman. Hasilnya, kemahiran menulis kekal sebagai aspek yang paling memerlukan perhatian kerana berada pada tahap terendah. Hal ini kerana kemahiran menulis memerlukan masa yang panjang dan mencabar untuk dikuasai. Hasil kajian ini menunjukkan kepentingan integrasi pelbagai pendekatan dalam pemerksaan bahasa. Perkara ini dibuktikan oleh dapatan Valdes (2005). Selain itu, kajian tersebut menunjukkan bahawa komuniti amalan profesional telah disediakan dengan perbincangan tentang cara-cara bidang Pemerolehan Bahasa Kedua (SLA) dapat mengambil manfaat daripada disiplin untuk memberi kesan kepada masa depan bahasa minoriti di sejagat. Dalam pada itu, kaedah ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang bahasa manusia. Pendekatan ini selari dengan dapatan proram yang menunjukkan keberkesanan integrasi pelbagai elemen dalam pemerksaan bahasa Melayu. Aspek ini turut diterapkan melalui pemahaman mendalam terhadap konteks yang dialami oleh pelajar, iaitu dari segi aspek teknikal bahasa dan penggunaan bahasa dalam konteks akademik. Secara keseluruhannya, peningkatan kompetensi ini dapat mengembangkan keyakinan diri pelajar untuk terus menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai situasi komunikasi.

Pendekatan Motivasi

Perubahan pada aspek motivasi mencerminkan kejayaan program terhadap pembelajaran pelajar dalam bidang bahasa Melayu. Oleh itu, dapatan ini mengesahkan bahawa nilai program telah berjaya mengubah persepsi pelajar terhadap bahasa Melayu dengan lebih berkesan.

Minat pelajar terhadap bahasa Melayu mengalami lonjakan yang ketara apabila mereka yang pada awalnya menganggap bahasa Melayu sebagai subjek yang membosankan mula terdedah kepada pendekatan pembelajaran yang interaktif dan menyeluruh. Kesan positif ini bukan sahaja dapat dilihat dalam aspek penguasaan bahasa, malah turut meliputi pemahaman terhadap budaya Melayu yang menarik. Aktiviti-aktiviti seperti lawatan ke tempat-tempat bersejarah berhampiran universiti telah membantu menimbulkan rasa ingin tahu dan memupuk rasa bangga dalam kalangan pelajar. Selain itu, program SINBURA telah menyediakan pelbagai aktiviti yang dapat membina keyakinan diri pelajar, seperti pembentangan berkumpulan. Aktiviti ini menjadi wahana yang berkesan bagi pelajar untuk secara beransur-ansur membina keyakinan diri dalam menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai situasi komunikasi. Hasil dapatan ini selaras dengan dapatan Mohamad Kamil Ibrahim & Mohamad Maliati (2020) kajian mendapati bahawa pada peringkat pengajian tinggi banyak universiti telah mula menawarkan pengajaran kursus dalam bahasa Inggeris. Keadaan ini sekali gus dapat dilihat bahawa sebahagian besar ilmu pengetahuan dan sumber rujukan utama tersedia dalam bahasa Inggeris. Hal ini boleh menghalang usaha memperkukuhkan bahasa Melayu di Malaysia kerana sekolah dan universiti sebagai institusi pendidikan akan memainkan peranan penting dalam membentuk kehidupan individu. Selanjutnya, program ini menyelenggarakan pembelajaran yang konsisten dan berterusan dengan menggalakkan pelajar mempersoalkan diri tentang bagaimana mereka boleh menggunakan kemahiran bahasa Melayu dalam kerjaya dan kehidupan. Pembuktian dari seorang responden yang berkongsi pengalaman dengan penuh bermakna *“Program ini mengubah persepsi saya terhadap bahasa Melayu. Kini, saya melihatnya sebagai peluang dan sumber penting dalam kerja.”* (R25). Sekilas pandang dalam kenyataan ini menggambarkan perubahan paradigma bahawa pelajar tidak lagi melihat bahasa Melayu sekadar mata pelajaran yang berdiri sendiri tanpa nilai tambah, akan tetapi mempunyai nilai sosial yang tinggi.

Aplikasi Praktikal

Program SINBURA memberi penekanan pendekatan inovatif dengan teknologi digital dalam proses pembelajaran bahasa. Program SINBURA membuktikan bahawa kerjasama antara institusi pengajian tinggi mampu membawa impak yang signifikan dalam pemerkasaan bahasa. Hal ini jelas terbukti melalui kerjasama antara USM dan PNU yang bukan sahaja memperkasakan bahasa Melayu, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan teknologi dan sosiobudaya di Narathiwat. Selain dapat menarik minat pelajar dalam proses pembelajaran dan aktiviti, teknologi turut berjaya membina sikap pembelajaran berterusan dalam kalangan mereka. Dapatan ini disokong oleh pernyataan seorang responden (R13) yang menegaskan bahawa *“Penggunaan platform digital dan aplikasi pembelajaran bahasa tidak terhad kepada waktu kelas sahaja. Ia membantu kami untuk terus berlatih walaupun berada di luar kelas.”* Sehubungan dengan itu, Jadual 2 menunjukkan pelbagai platform teknologi yang digunakan dalam program ini beserta kegunaan dan maklum balas positif daripada pelajar.

Jadual 2

Platform Teknologi yang Digunakan dalam Program

Platform&Teknologi	Kegunaan	Maklum balas pelajar
Aplikasi mudah alih	Latihan sering digunakan	92% positif
Platform e-learning	Capaian ilmu dan bahan	88% positif
Video konferens	Kuliah dan sesi ceramah	85% positif
Media sosial	Komunikasi harian	90% positif

Berdasarkan paparan hasil dalam jadual, terdapat beberapa situasi penggunaan bahasa yang dapat dikenal pasti daripada maklum balas responden. Dapatan menunjukkan bahawa responden berada pada tahap kepuasan yang tinggi merentasi semua platform komunikasi. Keselesaian responden dalam menggunakan bahasa Melayu membuktikan bahawa peranannya sangat penting dalam komunikasi harian mereka. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu yang diintegrasikan dengan teknologi telah berjaya meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar, sama ada dalam konteks komunikasi tidak formal mahupun formal. Dapatan kajian ini mengukuhkan dapatan kajian Shyiramunda & Bersselaar (2024) bahawa imej Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berkait rapat dengan keupayaan pelajar untuk menjana perubahan positif dalam ruang mereka. IPT, sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan, bukan sahaja menyediakan peluang pendidikan tetapi juga berperanan sebagai hab inovasi, pengayaan budaya dan kemajuan sosial.

Kelestarian

Dalam usaha melestarikan program ini, elemen-elemen utama yang diperkenalkan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan jangka panjang selaras dengan prinsip inisiatif pendidikan lain. Program telah direka dengan mengambil kira aspek kelestarian melalui beberapa strategi, iaitu pembangunan kemampuan pelajar dan pensyarah tempatan, pembangunan kurikulum pendidikan, kerjasama industri melalui MoU, dan pembentukan jaringan alumni sebagai langkah penting. Kesemuanya bertujuan memastikan ilmu berterusan dan memberi impak jangka panjang kepada komuniti akademik. Seperti naratif seorang pelajar “*Program ini sentiasa membuat kita sedia untuk memenuhi keperluan semasa praktikel dan pengajian.*” (R22). Dapatan ini disokong oleh kajian Zuraini Jusoh et al. (2021), iaitu dapatan mengenai kesedaran kerjaya dalam program pengajian bahasa Melayu menunjukkan bahawa walaupun 56.7% pelajar memilih bidang ini sebagai pilihan utama dan menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi tentang kerjaya dalam bahasa Melayu ($M=3.92$; $SD=0.57$) dengan kemampuan mengenal pasti 14 bidang kerjaya yang berkaitan, walau bagaimanapun, masih terdapat isu persepsi negatif dalam kalangan masyarakat yang menganggap bidang-bidang tersebut kurang berprestij. Dapatan ini menunjukkan kepentingan pendekatan holistik dalam membangunkan program bahasa Melayu yang bukan sahaja memberi pengetahuan akademik tetapi juga meningkatkan keyakinan pelajar terhadap prospek kerjaya mereka, sepertimana yang ditekankan oleh kajian bahawa pelajar sering tidak yakin menggunakan ijazah mereka dalam memilih kerjaya disebabkan kekurangan pengetahuan tentang kepelbagaian peluang dalam bidang yang dipelajari. Kelestarian program turut dipastikan melalui kaedah pemantauan yang sistematik. Pada setiap semester, kurikulum dinilai berdasarkan pencapaian pelajar untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program. Seterusnya, penambahbaikan dalam aspek pembelajaran dan pengajaran dikemas kini secara berterusan berdasarkan keperluan semasa. Di samping itu, kerjasama antara kedua-dua universiti diperkukuhkan melalui pelbagai aktiviti akademik dan kebudayaan yang dirancang bersama.

Dapatan ini menunjukkan bahawa Program SINBURA bukan sahaja berjaya dalam jangka pendek, tetapi juga mempunyai potensi untuk memberikan impak yang berterusan dalam pemeraksanaan bahasa Melayu di Narathiwat, Thailand.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah meneliti keberkesanan Program SINBURA dalam pemeraksanaan bahasa Melayu di PNU melalui kerjasama strategik dengan USM. Berdasarkan analisis data, kajian mendapati bahawa Program SINBURA telah berjaya mencapai objektifnya dalam memperkasakan penguasaan

bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thailand, dengan 80% responden menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran berbahasa mereka. Kejayaan ini didorong oleh empat faktor utama iaitu sokongan institusi yang berterusan, penglibatan aktif sudut akademik, pendekatan pengajaran yang kontekstual, dan integrasi aktiviti akademik dan sosiobudaya.

Dapatan kajian turut mengetengahkan kepentingan kerjasama antara universiti dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pemeraksanaan bahasa. Model kerjasama yang dibangunkan melalui Program SINBURA ini boleh dijadikan rangka rujukan untuk program pemeraksanaan bahasa yang serupa di institusi pengajian tinggi lain di rantau ASEAN. Walau bagaimanapun, untuk memastikan kelestarian program ini, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan terutamanya dari segi pengukuhan sokongan institusi, peningkatan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran serta perluasan skop program ke institusi lain di Thailand Selatan. Kesimpulannya, Program SINBURA telah membuka dimensi baharu dalam usaha pemeraksanaan bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Princess of Naradhiwas University atas sokongan yang diberikan dalam menyempurnakan kajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua peserta kajian yang telah sudi bekerjasama dan berkongsi pengalaman mereka sepanjang proses pengumpulan data dijalankan.

PENDANAAN

Kajian ini tidak dibiayai daripada mana-mana geran penyelidikan

SUMBANGAN PENGARANG

Makalah ini ditulis sepenuhnya oleh penulis pertama, yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan pelaksanaan kajian termasuk penulisan pengenalan, sorotan kajian lepas, metodologi, analisis data, perbincangan dapatan, kesimpulan, penyediaan rujukan serta semakan manuskrip akhir. Penulis kedua pula memberikan sumbangan berharga khususnya dalam aspek koleksi data-data.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan bahawa kajian ini tiada sebarang konflik kepentingan dan konflik berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA DAN KETERSEDIAAN DATA

Kajian ini mematuhi semua keperluan etika penyelidikan yang berkaitan. Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2017). *Research methods in education* (8th ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315456539>
- De Mejía, A.-M. (2002). *Power, prestige and bilingualism: International perspectives on elite bilingualism*. Multilingual Matters.
- DiSessa, A., Sherin, B., & Levin, M. (2016). Knowledge analysis: An introduction. In *Knowledge and interaction: A synthetic agenda for the learning sciences* (pp. 30–71). Routledge.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi, & Salmah Jan Noor Muhammad. (2014). Pelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam persuratan dan pembudayaan ilmu, sains dan teknologi di rantau ini. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(2), 3–19. https://www.academia.edu/96115056/Pelestarian_Bahasa_Melayu_sebagai_bahasa_utama_dalam_persuratan_dan_pembudayaan_ilmu_sains_dan_teknologi_di_rantau_ini
- Huang, J., Li, J., Shu, T., & Zhang, Y. (2022). A mixed-methods national study investigating key challenges in learning English as a foreign language: A Chinese college student perspective. *Frontiers in Psychology*, 13, 1035819. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1035819> (doi.org in Bing)
- Idris, H. M., & Rashid, M. R. (2013). Memartabatkan bahasa Melayu melalui pendidikan dan mendepani cabaran globalisasi. *Asia Pacific Journal of Youth Studies*. <https://www.iyres.gov.my/images/MJYS/2013/MJYS%20Vol%208%20June%202013-209-224.pdf>
- Jamil, N. S. (2017). Kebimbangan pelajar antarabangsa dalam mempelajari bahasa Melayu. *Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei*, 35, 30–40.
- Juhdi, N., Pa'Wan, F., Othman, N. A., & Moxsin, H. (2010). Factors influencing internal and external employability of employees. *Business and Economics Journal*, 11, 1–10.
- Mohamad Arip, M., & Yusof, B. (2006). *Kokurikulum dapat mengurangkan masalah sosial remaja*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamad Kamil Ibrahim, & Mohamad Maliati. (2020). Cabaran pemeraksanaan bahasa Melayu dalam usaha mencapai negara bangsa di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 181–191. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.152>
- Mohamad Nor Taufiq Nor Hashim, Zhang, Y., Ren, H., Yang, D., Lu, S., & Wen, Q. (2023). Etimologi kesinoniman kata asing dalam bahasa Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 199–222. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.9>
- Noor Azura Mohd. Hanapi, & Fadzilah Abd. Rahman. (2022). Rekayasa pendidikan bahasa abad ke-21: Ketekalan nasionalisme bahasa dan pembinaan budaya Melayu baharu. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 12, 144–152.
- Olaoye, A. A. (2020). Promoting empowerment through language studies: A sociolinguistic analysis. *Veritas Journal of Humanities*, 2(1), 72–77.
- Puwakgahawela, A., Mahakalanda, I., & Wickramasinghe, V. (2023). *Employability skills of information technology graduates—A comparison of expectations, priorities and strategies*. In Proceedings of the Open University Research Sessions (OURS 2023), The Open University of Sri Lanka, November 9–10.
- Richards, J. C., & Rodgers, T. S. (2014). *Approaches and methods in language teaching*. Cambridge University Press.
- Said, A. (2006). *Knowledge surveys: An introduction*. Paper presented at the Faculty of Education UTM Skudai Colloquium, August 30.

- Shyiramunda, T., & Van den Bersselaar, D. (2024). Local community development and higher education institutions: Moving from the triple helix to the quadruple helix model. *International Review of Education*, 70, 51–85. <https://doi.org/10.1007/s11159-023-10037-7>
- Valdes, G. (2005). Bilingualism, heritage language learners, and SLA research: Opportunities lost or seized? *The Modern Language Journal*, 89, 583–596. <https://doi.org/10.1111/j.1540-4781.2005.00314.x>
- Waemasna Waeyusoh, & Yusniza Yaakub. (2023). Konotatif, afektif dan reflektif memanifestasikan kebijakan akal budi Melayu Patani. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 157–179. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.7>
- Zuraini Jusoh, Rozita Said, & Norazlina Mohd Kiram. (2021). Career awareness in the study of Malay language program. *International Journal of Language Education*, 5(2), 89–101. <https://doi.org/10.26858/ijole.v5i2.16357>